



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/B/0001
Tarikh : 17 Julai 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 26 TAHUN 2018**

KEMUDAHAN PERUBATAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Setiap anggota telah diberi kemudahan tuntutan perubatan bagi klinik panel/ bukan panel dan kemudahan bagi rawatan pergigian. Didapati masih lagi anggota yang **tidak jelas mengenai syarat-syarat** kemudahan rawatan klinik panel/bukan panel dan rawatan pergigian serta tuntutan bayaran balik yang tidak dapat diluluskan. Sehubungan ini, adalah diingatkan semula syarat-syarat berhubung kemudahan yang diberikan pada para 3 dan 4.

3. Sebagaimana yang dimaklumkan kemudahan rawatan di klinik-klinik panel/bukan panel adalah hanya untuk **rawatan biasa** sahaja. Sebarang rawatan pakar serta pembekalan **ubat-ubatan pakar** (*specialist medication*) atau **ubat berkala** (*ubat darah tinggi, ubat kencing manis, vitamin, ubat tambahan* dan lain-lain) serta ujian kehamilan dan perkhidmatan harus dirujuk ke **hospital kerajaan**. Perbelanjaan bagi setiap rawatan biasa di klinik panel adalah dihadkan sekitar **RM80.00** sahaja bagi setiap rawatan. Tuntutan **lebih bayaran** tidak akan dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, **bagi kes kecemasan penjelasan daripada pegawai perubatan adalah diperlukan bagi tuntutan bil perubatan lebihan yang tinggi**.

4. Kemudahan rawatan pergigian hanya untuk anggota LGM sahaja di klinik pergigian panel/bukan panel terhad untuk rawatan **cabutan dan tampalan** sahaja. LGM tidak akan menanggung apa-apa kos selain dari kemudahan rawatan tersebut di atas. Dimaklumkan kos bagi setiap rawatan adalah sekitar **RM150.00** sahaja.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)
b.p Ketua Pengarah